



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN/ ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : PEREKRUTAN DAN PEMILIHAN PEKERJA**

**KOD KURSUS : DSM2143**

**PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021**

**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** bahagian (100 Markah) sahaja:
  
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda seperitimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
4. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
5. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.  
Jawab **SEMUA** soalan dalam kertas jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Andaikan syarikat anda adalah sebuah syarikat besar yang mempunyai sistem komputer yang hebat dalam merekod maklumat pekerja. Apakah usaha yang mungkin syarikat anda laksanakan bagi meramal penawaran sumber manusia pada masa hadapan?

(10 markah)

- b. Kebijaksanaan pemimpin Syarikat Ais Kepal telah berjaya menangani cabaran yang dihadapi semasa mengalami kekurangan sumber manusia. Apakah yang telah dilakukan oleh pemimpin syarikat Ais Kepal untuk menangani masalah berkenaan?

(15 markah)

**SOALAN 2**

- a. Mengapakah majikan lebih cenderung untuk menggunakan kaedah kajian soal selidik berbanding kaedah log pekerja dalam memungut data analisis?

(10 markah)

- b. Gambar 1 adalah sebuah iklan jawatan kosong.



**IKLAN JAWATAN POS MALAYSIA BERHAD**

Permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon berminat dan berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan **Eksekutif Sumber Manusia** di **Pos Malaysia Berhad**. Berikut merupakan maklumat lanjut kekosongan.

BIL	JAWATAN	KELAYAKAN	TARIKH TUTUP
1	<b>EKSEKUTIF SUMBER MANUSIA</b>	<b>RUJUK IKLAN</b>	<b>31/10/20</b>

**Gambar 1**


Andaikan anda adalah seorang Pengurus Sumber Manusia di Pos Malaysia Berhad cawangan Kuala Lumpur. Anda telah diminta untuk mengeluarkan iklan jawatan kosong bagi jawatan eksekutif. Sebelum iklan tersebut disiarkan, anda terlebih dahulu perlu menyediakan huraihan analisis kerja sepetimana berikut:

- i. **Lima (5)** spesifikasi kerja mandatori
- ii. **Lima (5)** spesifikasi kerja sampingan
- iii. **Lima (5)** bidang tugas/ tanggungjawab kerja

(15 markah)

**SOALAN 3**

- a. Gambar 2 adalah ujian grafologi.

**Gambar 2**

Terangkan tujuan majikan menggunakan ujian grafologi dalam memilih calon pekerja.

(6 markah)

- b. Sebagai Pegawai Rekrut, Encik Nizam dalam proses terakhir untuk memilih pekerja bagi jawatan *Financial Controller*. Encik Nizam telah diingatkan oleh Pengurus Besar agar memilih calon yang benar-benar jujur kerana jawatan sebagai *Financial Controller* perlu menguruskan dan menjaga kewangan syarikat. Apakah yang akan dilakukan oleh Encik Nizam bagi memastikan bahawa calon yang dipilih ialah seorang calon yang benar-benar jujur dan boleh dipercayai dalam menguruskan hal ehwal kewangan syarikat?

(10 markah)

- c. Pada pengetahuan anda, apakah rasionalnya apabila majikan menggunakan ujian sampel pekerjaan kepada calon yang memohon jawatan kosong?

(9 markah)

**SOALAN 4**

- a. Terangkan mengapakah majikan lebih suka menggunakan sumber rekrut luaran dalam menawarkan sesuatu jawatan kosong?

(6 markah)

b.

“Kenapalah susah sangat nak dapatkan calon untuk jawatan *designer* ni. Rasanya dah lebih lima kali syarikat *posting* iklan jawatan kosong di surat khabar Media Popular, tapi tak ada satupun yang dapat menarik minat orang ramai untuk memohon jawatan tu”, rungut Encik Fairuz.

**Pernyataan 1**

Sekiranya anda adalah Encik Fairuz, apakah yang perlu anda lakukan bagi menarik minat calon untuk memohon jawatan kosong yang anda iklankan?

(12 markah)

- c. Adakah pelaksanaan pengambilan pekerja melalui internet memberikan manfaat kepada pemohon dan majikan?

(7 markah)

**[100 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**